



SIARAN AKHBAR

MAJLIS IBADAH KORBAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN TAHUN 1439 HIJRAH / 2018 MASEHI

Bandar Seri Begawan

Hari Sabtu, 25 Ogos 2018 bersamaan 13 Zulhijjah 1439H

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan Jabatan-Jabatan di bawahnya pada petang tadi telah mengadakan Majlis Ibadah Korban Tahun 1439 Hijrah/ 2018 Masehi, yang diselenggarakan bersama oleh Jabatan Perhutanan dan Bahagian Pusat Penyelidikan dan Inovasi Biodiversiti (BioRIC). Majlis tersebut diadakan di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Tetamu Kehormat, Yang Berhormat, Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, telah berkesudian menyampaikan agihan daging-daging korban kepada yang berhak menerimanya dari kalangan warga Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada tahun ini.

Majlis tersebut juga turut dihadiri oleh Yang Mulia Setiausaha Tetap KSSUP, Timbalan Setiausaha Tetap KSSUP; Ketua-Ketua Jabatan dan Bahagian serta Pegawai-Pegawai Kanan serta Pegawai dan Kakitangan KSSUP dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Sejumlah 3 ekor kerbau telah dikorbankan pada tahun ini. Majlis pada hari tersebut telah dimulakan dengan Bacaan Surah Al-Fatihah dan bertakbir beramai-ramai sebelum kemuncak acara iaitu pengagihan daging-daging korban dijalankan.

/TAMAT

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Perhutanan

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Negara Brunei Darussalam